



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/07/45 (HQ)

### TNB TERIMA ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN

Projek *Geospatial Information System (GIS)* Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad (TNB), dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Geospatial pada Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) ke-8, di sini baru-baru ini.

Penyertaan yang bertajuk ‘Memperkasakan Projek GIS di Bahagian Pembahagian TNB ke Arah Grid of The Future’, mengandungi pelaksanaan sistem untuk dikembangkan sehingga meliputi lebih 76,000 pencawang dan 1.3 juta kilometer talian kabel elektrik.

GIS Pembahagian itu dilancarkan tahun lalu, bagi membolehkan urusan menganalisis, menyimpan, memanipulasi dan menggambarkan maklumat dalam bentuk spatial di atas peta, sekali gus meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Anugerah disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (NRE), Dato’ Sri Azizan Ahmad kepada Ketua Projek GIS Distribution, Ir. Fazilah Mat Yatim pada simposium di PICC yang bertemakan ‘Inovasi Geospatial Ke Arah Wawasan Negara’.

Acara dwi tahunan anjuran Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) dan NRE itu bertujuan mewujudkan satu wadah perkongsian maklumat dan pengalaman melibatkan komuniti geospatial dalam kalangan agensi kerajaan dan swasta di Malaysia.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 31 Julai 2018, jam 10.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha’ary di talian 019-3369681 /  
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*